



IKLAN JAWATAN KOSONG PENOLONG JURUTERA JA29

INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH

1. (a) Jawatan: : Penolong Jurutera
(b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Universiti Sains Malaysia
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan (J)
(d) Jenis Skim Perkhidmatan : Bersepadu
(e) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan SPM/Diploma
(f) Gred : JA29
2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
JA29	1,549.00	5,701.00	145.00

- Imbuhan Tetap : Khidmat Awam : RM 160.00
Perumahan : RM 300.00

3. Syarat Lantikan : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- a) Warganegara Malaysia;
 - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - c) Kelayakan Lantikan Ke Gred JA29 :
 - : (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,549.00; atau
 - : (ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02).

Syarat Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujuran (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap/ Kontrak
5. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penguasa Bekalan Air, Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d); atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

6. Ringkasan Tugas : **Umum**

Bertanggungjawab melaksanakan penyediaan lukisan teknikal dan spesifikasi, menyemak lukisan perunding, merekod dan menyelenggara lukisan, menyediakan lukisan kerja, lukisan perunding dan menyediakan laporan serta lain-lain tugas yang berkaitan. Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik iaitu mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, mengawasi tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender, menjalankan kerja penyenggaraan bangunan dan workshop, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala peralatan elektrik, merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem pengairan dan saliran serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.

Khusus

Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

Keutamaan akan diberikan kepada staf tetap/kontrak yang sedang berkhidmat di Universiti Sains Malaysia/ Hospital Universiti Sains Malaysia.

PENDAFTAR

